



NASYID PERUMAHAN AWAM DBKL SRI NILAM MUNCUL JUARA

Wan Abdullah Ghani

Lagu Aku dan Dosa/Oh Dunia membawa tuah kepada Kumpulan Sri Nilam dari Perumahan Awam Sri Kota, Cheras kerana muncul sebagai juara dalam Pertandingan Nashid Perumahan Awam DBKL Peringkat Akhir, baru-baru ini. Tempat kedua disandang oleh Kumpulan Al-Wadah dari P.A. Sri Terengganu dengan lagu Doa dan Muhammad. Kumpulan An-Najwa II dari Perumahan Awam Razak Mansion, Sungai Besi dengan lagu Mohon Keampunan dan Syukur Tanda Keteguhan Iman menduduki tempat ketiga.



Pemenang tempat pertama menerima hadiah RM1,500, RM1,000 bagi tempat kedua, RM750 bagi tempat ketiga dan sugu hati sebanyak RM200 untuk lima pasukan di samping sijil penyertaan.

Sementara itu Az-Zafirah dari P.A. Sri Kedah muncul sebagai kumpulan terbaik dan Norhaliza Abd Rahim Faizal, 27, penyanyi utama An-Najwa dari Razak Mansion muncul sebagai penyanyi solo terbaik.

Hadiah kepada para pemenang telah disampaikan oleh Timbalan Ketua Pengarah, Pengurusan Bandar DBKL, Tuan Haji Ruslin Hasan. Para jempuan dihiburkan oleh Kumpulan Huda, Aeman dan Millennium dan para pengadil professional terdiri daripada Hashim Said (S.Atan), Mohammad Omar (Mas Omar) dan Dara Abd Jalil (Rohana Jalil).

Semua pasukan yang bertanding menunjukkan mutu persembahan yang baik tetapi apa yang lebih suci dan murni ialah mesej dakwah yang ingin disampaikan melalui lagu-lagu nasyid. Dakwah tidak semestinya disampaikan melalui ceramah atau kuliah secara formal di surau, madrasah atau masjid-masjid tetapi juga melalui peribadi yang baik, tutur kata yang sopan, adab yang luhur dan pergaulan baik sesama masyarakat Islam dan bukan Islam akan melahirkan 'wajah' keindahan Islam yang sebenarnya, seperti kata isteri Nabi Muhammad (saw) iaitu Saidatina Aisyah (r.a), peribadi Rasulullah (saw) adalah peribadi Al-Quran dan juga seperti sattu Rasulullah (saw) sendiri, "sampaikan walaupun sepotong ayat".

Sesungguhnya penyertaan para pemenang menunjukkan adanya komitmen serta rasa kepunyaan, sense belonging, dan kawalan peribadi masing-masing yang dijalankan oleh DBKL.



PERSATUAN HARUS PROAKTIF

Jabatan Pengurusan Perumahan khususnya dan DBKL amnya perlu mendekati dan bekerjasama dengan Persatuan-persatuan Penduduk Pangsapuri DBKL dan sedia menerima pandangan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO's) untuk membolehkan mereka memberi maklum balas yang baik kepada kehendak dan keperluan warga flet.

Persatuan perlu memerhati dan mendengar apa yang berlaku dalam masyarakat, ikhlas memberi pandangan, apa yang menarik pandangan ahli-ahli dan apa yang mereka prihatin. Sebenarnya banyak aktiviti yang boleh dijalankan andainya mereka aktif dan berfikiran kreatif, tidak semata-mata bergantung kepada sumbangan dan bantuan 100 peratus daripada DBKL seperti yang menjadi amalan selama ini.

DBKL mengharapkan orang yang berpengalaman dalam persatuan dan memainkan peranan proaktif serta memberikan sumbangan besar dan konkrit kepada perbincangan dan melaksanakan aktiviti persatuan dan masyarakat perumahan awam dengan lebih berjaya dan berkesan.

Sebagai penjawat awam, kita tentu sekali ingin memahami apa yang berlaku di kalangan semua golongan masyarakat Perumahan Awam DBKL, terdapat kira-kira 40,000 keluarga menduduki rumah tersebut dan dijangka meningkat kepada 98,000 keluarga dalam tempoh tiga tahun akan datang. DBKL akan merupakan satu-satunya Pihak Berkuasa Tempatan yang menyelia dan menguruskan pentadbiran rumah awam yang terbesar dari segi jumlah penghuninya di Malaysia.

Kerjasama Persatuan-Persatuan Penduduk, Penjaga Angkat, NGO's dan DBKL bukan perkara luar biasa. Cuma kadang-kadang suasana masyarakat dan masa yang sentiasa berubah dan pandangan-pandangan mereka juga turut berubah mengikut aliran zaman. Apa yang pentingnya ialah cara untuk terus mendekati mereka dan mengenali masalah bagi mengatasi, memberikan perkhidmatan yang lebih efisien dan pantas tanpa barier kerena birokrasi atau red tape.

Persatuan penduduk harus bekerja keras dan membuat aktiviti ke arah menguasai skop masyarakat yang lebih besar dan memenuhi harapan dan keperluan mereka. Untuk tujuan itu, Persatuan Penduduk boleh mengorganisa beberapa aktiviti bersama dengan DBKL seperti kempen kebajikan, muhibah khemah remaja, sukan, perjumpaan, sukan dan kursus motivasi untuk ahli persatuan. Soal peruntukan tidak menjadi halangan bagi membangunkan masyarakat pangsapuri DBKL yang lebih sejahtera.

Mungkin persatuan penduduk yang berjumlah lebih 40 buah persatuan itu pada suatu masa nanti akan menguruskan sepenuhnya aktiviti kemasyarakatan dan JPP memberi sokongan dan dokongan yang kuat bagi menjayakannya. Mereka harus diberi tanggungjawab dan kepercayaan sepenuhnya melaksanakan program yang sihat dan positif demi kebaikan warga kota di Perumahan Awam DBKL.

Bantuan yang disediakan diharapkan dapat menggerakkan persatuan supaya lebih aktif dan kreatif bagi melaksanakan pelbagai kegiatan positif demi faedah bersama dan sebagainya. Pergerakan persatuan yang lebih besar berjaya menjadi pemangkin yang hebat dan berkesan sekiranya dimanfaatkan sepenuhnya. Semangat kesukarelawanan ditanam kepada ahli-ahli masyarakat di Perumahan Awam DBKL.

Program itu adalah satu daripada cabaran utama persatuan supaya berperanan lebih besar dalam aktiviti kemasyarakatan. Mungkin mereka boleh mengaturkan satu program setiap bulan sekurang-kurangnya supaya memudahkan mereka berinteraksi sesama sendiri. Program pertandingan nasyid antara zon yang diadakan baru-baru ini sangat berkesan untuk mendidik dan mengembangkan seni nasyid itu dan akhirnya dapat mengeratkan ahli-ahli menjalankan gerak kerja tanpa memikirkan upah dan balasan.

Persatuan juga boleh melibatkan diri dalam aktiviti ekonomi untuk menampung kegiatan atau program supaya tidak semata-mata bergantung kepada yuran ahli-ahli atau sumbangan DBKL. Dengan adanya dana yang kukuh, memungkinkan mereka melaksanakan program dengan lebih baik dan berterusan.



TUAN HAJI SALLEH YUSUP
Pengarah
Jabatan Pengurusan Perumahan

**BADAN KEBAJIKAN KAKITANGAN
JABATAN PENGURUSAN PERUMAHAN
PENGAL 2000/2001**

Pengerusi	— En. Zainuddin b. Md. Zain
Timbalan Pengerusi	— En. Ahmad Firdaus b. Ahmad Fakhrruzai
Setiausaha	En. Wan Abdullah b. Wan Abd Ghani
Penolong Setiausaha	— Encik Abu Hassan Shaari
Bendahari	— Pn. Khaireen Bte Ghazali
Wakil Khas	— Encik Seik Choon
Bahagian Akaun Jualan	— Cik Alshimah Bte Abd. Aziz
Bahagian Rumah Jual	— Pn. Hanizam bte Darus
Bahagian Pentadbiran	— En. Mahadi b. Mohamad
Bahagian Penyelenggaraan/ Wakil Khas	— En. Jayapalan a/l Selvadurai
Bahagian Teknologi Maklumat	— Pn. Suhaily bte Shahudin
Bahagian Peruntukan Rumah Awam	— En. Shahlan Ambroz B. Zainuddin
Bahagian Penguatkuasaan	— Encik Md. Zin b. Nordin
Bahagian Kewangan	— En. Mohd. Adil B. Ismail
Wakil Zon I	— En. Azman B. Aziz
Wakil Zon II	— Pn. Siti Awa Bte Surin
Wakil Zon III	— En. Roslan B. Ibrahim
Wakil Zon IV	— Encik Zolkepli B. Husin



Zainuddin Md. Zain



Ahmad Firdaus Fakhrruzai



Wan Abdullah Ghani



Abu Hassan Shaari



Khaireen Ghazali

Disiplin Remaja *Salah* siapa

Sejak kebelakangan ini, kita dapati selalu berlakunya beberapa kejadian kurang berdisiplin yang melanda para remaja di Pangsapuri DBKL. Walaupun ancaman itu tidak serius, namun penghuni pangsapuri DBKL dapat merasakan ancaman gangsterisme, lepak, jenayah, penagihan najis dadah, pergaulan bebas, gangguan seksual, pengangguran, keciciran pendidikan dan hidup terpinggir.

Majoriti warga rumah pangsa amat sedih dengan keadaan yang melanda ini yang sepatutnya tidak berlaku dan boleh dielakkan. Ada penduduk cuba menuding jari antara satu sama lain. Ada menyatakan pihak ibu bapa patut dipersalahkan bulat-bulat kerana sibuk mencari nafkah. Ada yang menyatakan persekitaran yang tidak selesa dan ketumpatan penduduk yang tinggi dijadikan sebab, di samping faktor lain seperti ekonomi, pendidikan, sosial, kefahaman agama yang rendah dan sebagainya.

Menurut Bendahari Persatuan Penduduk Projek Perumahan Rakyat Gombak Setia, Encik Rosli Sulaiman, 34, segelintir ibu bapa hanya sibuk menumpukan kerjaya masing-masing dan tidak mengambil tahu hal anak-anak di rumah. Mereka hanya pandai menudingkan jari kepada orang lain sekiranya anak mereka ditangkap oleh pihak berkuasa kerana jenayah dan tidak berdisiplin. Ibu bapa bagaimana sibuk sekalipun dalam mencari

nafkah harus sedar yang mereka tidak boleh melupakan tanggungjawab kepada anak-anak terutama yang baru melangkah kaki ke alam remaja.

“Memang ada kebenaran tempat kediaman yang kurang selesa seperti rumah satu atau dua bilik tidur, tetapi ia bukan sebab utama remaja melepak hingga larut malam di kaki lima rumah pangsa, padang permainan kanak-kanak atau wakaf yang didirikan oleh penduduk.


“Sebilangan jiran tetangga yang takut kepada remaja sendiri disebabkan ibu bapa mereka menyebelahi anak-anak yang pandai berpura-pura baik di rumah, tetapi menjadi liar di luar rumah”, ujar beliau yang baru dua tahun menetap di rumah pangsa, sebelum itu menyewa di Flet Taman Melati.

“Ada juga jiran tetangga yang bertanggungjawab tanpa mengira apakah situasi yang bakal menyimpan sekiranya menegur kelakuan remaja yang ganas itu. Jika silap langkah remaja yang ditegur akan mengambil tindakan sabotaj dengan merosakkan harta jiran yang membuat teguran seperti menjahanamkan motosikal, kereta dan harta benda jiran.

“Para remaja yang lahir akibat pertumbuhan ekonomi negara yang pesat dan kejayaan seseorang itu lebih bergantung kepada pencapaian akademik yang tinggi atau pemilihan ekonomi. Para jiran seperti ini cuba untuk mewujudkan masyarakat

penyayang kepada generasi baru, namun banyak cabaran yang menanti dan risikonya terlalu tinggi”, kata pegerja Bank Negara itu.

“Terdapat ibu bapa yang tidak memahami falsafah hidup berjiran dan konsep berkongsi kemudahan awam seperti padang permainan. Maka tidak hairanlah merosakkan harta awam, melakukan vandalisme seperti menjahanamkan lif, memecahkan lampu koridor, tong sampah atau menconteng dinding. Mereka juga tidak melibatkan diri dalam aktiviti masyarakat yang diatur oleh persatuan penduduk”, kata bekas pelajar Sekolah Menengah Sultan Yusof, Taiping, Perak itu.



Rosli Sulaiman

ORANG RAMAI TAKUT MENEGUR


Sudah menjadi kebiasaan bagi para remaja yang ditegur mengambil sikap negatif. Kadang-kadang orang ramai khuatir untuk menegur kerana mungkin akan mengambil sikap hendak membalas dendam terhadap jiran yang cuba menegur perbuatan mereka yang merugikan masyarakat di rumah pangsa.

“Mereka sepatutnya menyedari kesalahan yang dilakukan dan kerugian yang terpaksa ditanggung oleh masyarakat dan DBKL akibat vandalisme atau kelakuan jenayah yang merosakkan. Sematlah di hati bahawa menghormati jiran sebagai budaya yang sihat untuk melahirkan masyarakat sejahtera dan selamat”, ujar AJK Persatuan Penduduk Sri Sabah 3B, Cheras, Encik Othman Kassim, bapa kepada enam orang anak yang berusia setahun hingga 17 tahun itu.

“Bagi mengatasi masalah disiplin golongan remaja ini, masyarakat sekitar perlu memainkan peranan yang penting selari dengan keperluan semasa. Kebanyakan masyarakat masih tidak banyak berubah. Mereka mungkin hanya pandai mengutuk dan mengumpat sahaja, tetapi bukannya untuk membantu menyelesaikan masalah yang dihadapi di depan mata”, kata beliau merangkap Pengerusi Biro Kesenian dan Kebudayaan Persatuan Penduduk Sri Sabah 3B.

“Mereka juga patut memberikan buah fikiran, kerjasama, tolong menolong dan aktif dalam persatuan penduduk demi anak bangsa mereka sendiri. Kiri kanan unit kediaman saya terdiri kaum Cina dan India, tetapi mereka tidak memberi masalah kepada kami sekeluarga. Malah mereka selalu bertandang ke rumah kami, begitu juga kami juga suka bertandang ke rumah mereka”, ujar beliau yang mendiami Blok 66, tingkat 13 dan juga dikenali sebagai Othman Kering, seorang pelawak terkenal tanah air.

Katanya, jika kesemuanya disalahkan ibu bapa atau DBKL sahaja, maka pihak-pihak yang lain akan lepas tangan.



Othman Kassim

Akibatnya akan seronok banyak berlaku salah laku, vandalisme, gangsterisme, jenayah, lepak dan sebagainya. Masyarakat akan berleluasa. Mungkin boleh merosakkan masyarakat rumah pangsa itu sendiri.

“Akibat tekad, keuletan, pendidikan setengah-tengah, ekonomi keluarga yang rendah, inferioriti, kemiskinan, gaya perancangan hidup, terbiar tabaibakan masyarakat yang materialistik dan persekitaran yang tidak selesa, memunculkan pengaruh kurang sihat dijadikan ikutan oleh para remaja terutama yang tinggal di rumah pangsa”, katanya yang begitu berminat dengan program sosial dan kebudayaan.

“Selain daripada itu bapa, persatuan penduduk, penjaga angkat, badan bukan kerajaan (NGO's), media elektronik pihak media cetak haruslah bersama-sama membantu menyelesaikan masalah disiplin di kalangan para remaja yang lahir dan dibesarkan di rumah pangsa”, ujar beliau yang berasal dari Kelantan itu.



Nasyid Peringkat Zon

SAMBUTAN MERIAH

Pertandingan Nasyid Perumahan Awam DBKL tahun 2000 peringkat zon yang berlangsung selama sebulan, berjalan lancar, meriah dan mendapat sambutan hebat daripada warga flet dan para peserta.

Lagu Aku dan Doa membawa tuah kepada Kumpulan Sri Nilam dari P.A. Sri Kota kerana muncul sebagai juara Peringkat Zon I. Tempat kedua disandang oleh Kumpulan Pancaran Jihad dari Sri Sabah 3A dengan lagu Pemuda Islam. Kumpulan Hidayah dari Sri Melaka lagu Seruan Azan menduduki tempat ketiga.

Peringkat Zon II, juara dimenangi Kumpulan Nur Jannah dari P.A. Sri Pahang, Bangsar dengan lagu Rindu. Tempat kedua dan ketiga disandang oleh Kumpulan dari Razak Mansion iaitu Kumpulan An-Najwa II dengan lagu Mohon Keampunan Dan An-Najwa I dengan lagu Ingatlah.

Sementara itu Peringkat Zon III, tempat pertama dan naib johan disandang oleh kumpulan dari Sri Terengganu iaitu Kumpulan Al-Wadah dengan lagu Doa, Kumpulan Zahratul Firdaus dengan lagu Balasan Amal dan ketiga Kumpulan Nurul Hidayu dari Sri Kelantan yang membawakan lagu Syurga di Bawah Telapak Kaki Ibu.

Dan Peringkat Zon IV, pertama, Kumplan Az-Zafirah dari Sri Kedah (lagu Kehidupan Manusia), kedua, Kumpulan Nur Sakinah dari PPR Gombak Setia (lagu Keluarga Bahagia) dan ketiga, Kumpulan 'At-Taqwa dari PPR Jelatek (lagu Junjungan Mulia).

Hadiah kepada para pemegang Pertandingan Nasyid DBKL peringkat zon berupa wang tunai RM500 untuk tempat pertama, kedua RM400, ketiga RM300 dan sagu hati sebanyak RM100. Para jempunan di peringkat zon telah dihiburkan oleh Kumpulan Solehah, Aeman dan para pengadil terdiri daripada Jamaluddin Elias (Nash), Mas Omar, Hail Amir, A. Razak dan Akhbar Nawab.

Lapan kumpulan yang menduduki tempat pertama dan kedua layak ke peringkat akhir Pertandingan Nasyid Perumahan Awam DBKL yang menawarkan hadiah wang tunai sebanyak RM1,500 bagi tempat pertama, RM1,000 bagi tempat kedua,

RM750 bagi tempat ketiga dan sagu hati sebanyak RM200 untuk lima pasukan.

Semua pasukan yang bertanding menunjukkan mutu persembahan yang baik tetapi apa yang lebih suci dan murni ialah mesej dakwah yang ingin disampaikan melalui lagu-lagu nasyid.

Dakwah tidak semestinya disampaikan melalui ceramah atau kuliah secara formal di surau, madrasah atau masjid-masjid tetapi juga melalui peribadi yang baik, tutur kata yang sopan, adab yang luhur dan pergaulan baik sesama masyarakat Islam dan bukan Islam akan melahirkan 'wajah' keindahan Islam yang sebenarnya, seperti kata isteri Nabi Muhammad (saw) iaitu Saidatina Aisyah (r.a), peribadi Rasulullah (saw) adalah peribadi Al-Quran dan juga seperti sabda Rasulullah (saw) sendiri, "sampaikan walaupun sepotong ayat".

Bila direnung jumlah wang yang sebegitu besar diperuntukkan, DBKL memohon sepenuh komitmen dan penglibatan penghuni serta ahli keluarga terhadap program yang dijalankan oleh jabatan ini supaya adanya impak yang mantap dan mapan terhadap 'warga' Perumahan Awam DBKL.

Pertandingan nasyid merupakan acara tahunan kali kedua yang dianjurkan oleh DBKL dan antara program yang diatur untuk warga rumah pangsa. Program ini bertujuan untuk menunggu masa untuk melaksanakan. Semua ini merupakan tanggungjawab sosial yang menjuruskan kepada mewujudkan kawasan pangsa yang lebih baik dan indah yang selaras, aman, teratur, selamat dan menjadi hasrat murni untuk mendidik penghuni dan melahirkan anak-anak yang cemerlang baik dari aspek duniawi dan akhirat.





Mencungkil Bakat Baru



Jabatan Pengurusan Perumahan (JPP) sentiasa prihatin dan memainkan peranan yang penting untuk membangunkan sukan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Tahun 2000, JPP menyediakan peruntukan kira-kira RM100,000 untuk kegiatan sukan.

Peruntukan tahunan itu disediakan untuk program pembangunan sukan, pertandingan sukan bersama masyarakat setempat, aktiviti sukan anjuran bersama DBKL dengan sektor swasta dan badan bukan kerajaan, aktiviti sukan anjuran bersama DBKL dan persatuan penduduk.

DBKL telah membelanjakan jutaan ringgit demi pembangunan sukan sejak dua dekad lalu. Beberapa kemudahan sukan telah disediakan untuk warga flet seperti padang bola sepak, gelanggang

badminton dan sepak takraw. Selain itu DBKL juga menyediakan pelbagai kemudahan sukan untuk warga rumah pangsa.

Penolong Pengarah Kanan, Encik Zainuddin Md Zain memberitahu, mulai sekarang kita perlu memantapkan usaha dan pengorbanan bagi memastikan warga Perumahan Awam DBKL mencapai pembangunan dalam sukan sama ada di peringkat zon, negeri, kebangsaan dan antarabangsa. Kita mahu mereka melibatkan diri dalam aktiviti sukan dan rekreasi, walaupun tidak untuk pertandingan, sekurang-kurangnya untuk kesihatan diri sendiri.

“Setiap tahun, Jabatan Pengurusan Perumahan menganjurkan pertandingan bola jaring, street soccer dan sepak takraw, terutama untuk golongan remaja. Setiap kali pertandingan diadakan mendapatkan sambutan yang di luar dugaan daripada penghuni rumah pangsa,” ujar Encik Zainuddin Md Zain.



KOMPLEKS BELIA

TEMPAT KEDIAMAN PILIHAN *Wan Abdullah Ghani*

Kompleks Belia Bandaraya Km 6, Jalan Cheras diilhamkan oleh bekas Perdana Menteri Malaysia, Tun Abdul Razak Hussien dan dirasmikan oleh bekas Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan, Haji Hassan Adli Haji Arshad pada 18 Februari 1978.

Kompleks yang terletak di kawasan seluas empat ekar mula dibina tahun 1975 dan mula digunakan sejak Jun 1977. Selain itu asrama tujuh tingkat Kompleks Belia Bandaraya itu dilengkapi dengan dewan serba guna, pejabat pentadbiran, kafeteria, perpustakaan, surau, bangunan gimnasium dan gelanggang-gelanggang permainan.

Kompleks Belia Bandaraya, Cheras sentiasa giat dengan pelbagai perancangan ke arah sebuah asrama belia yang unggul, berketrampilan, ceria dan selesa. Malah menurut Pengurus Kompleks Belia, Encik Paring Said, pihaknya berazam untuk menjadikan asrama tersebut bukan sahaja sebagai pusat kediaman, malah tempat untuk para penghuninya berekreasi atau melaksanakan aktiviti sosial yang lebih aktif dan progresif, sebagai tempat untuk menimba ilmu pengetahuan berpersatuan, aktiviti kemasyarakatan, sebagai bekalan yang akan dibawa selepas meninggalkan kompleks.

"Kita mahu asrama ini akan menjadi tempat kediaman pilihan belia di Kuala Lumpur dan dianggap sebagai tempat yang cukup selamat, tenteram, bukan sahaja kepada belia-belia itu sendiri, juga kepada ibu bapa yang ditinggalkan di kampung," katanya.

Menurut beliau, penekanan khusus adalah membabitkan aspek kegiatan luar untuk semua penghuni yang tinggal di kompleks tersebut supaya tidak ada perasaan terpinggir atau terasing dan selanjutnya mempunyai keyakinan diri serta bertanggungjawab.

Menerusi perancangan dan program yang sedang dan telah dilaksanakan, asrama belia mampu muncul sebagai tempat kediaman pilihan khusus kepada lelaki bujang yang tinggal di ibu kota berbanding dengan tempat lain.

Di asrama ini, katanya, selain mereka dapat tinggal di tempat yang selesa, mereka turut disediakan pelbagai kemudahan penginapan dan rekreasi. Keadaan sekarang jauh berubah terutama dengan adanya persatuan yang aktif untuk mereka menyalurkan aktiviti selepas waktu pejabat atau hujung minggu.

Antara kerja yang akan mereka terus lakukan ialah program gotong royong seperti menebas, membersihkan kawasan, menanam pokok-pokok bunga dan mengindahkan sekitar bangunan asrama belia.

"Program itu bukan sahaja dapat menanamkan sikap prihatin penghuni tetapi akan wujud semangat



Bangunan Kompleks Belia Bandaraya.

kekitaan dan bekerjasama melalui kerja gotong royong. Program itu juga akan meningkatkan kesedaran penghuni untuk bersama-sama menjayakan program gotong royong, dan indah, sama ada di kawasan sekitar atau di dalam bilik-bilik penginapan.

Beliau yakin bahawa program itu dapat diadakan dari semasa ke semasa dengan penglibatan semua penghuni, tentunya asrama belia akan berseri dan indah.

"Kita sentiasa merancang dan mahu menjadikan asrama belia di Kuala Lumpur sebagai tempat kediaman yang selesa dan suka dikunjungi oleh orang ramai dan waris mereka yang datang dari kampung yang berurus dan anak-anak mereka serta yang mempunyai urusan lain termasuk lawatan lawatan dengan anak-anak untuk beberapa hari di Kuala Lumpur," ujar Encik Paring Said.

Menurut beliau, pihak pengurusan juga sentiasa berusaha dan mencari jalan tanpa jemu untuk memastikan penghuni menerima dan menikmati keindahan yang lebih selesa dengan meningkatkan kebersihan dan keindahan kawasan serta menaikkan taraf bilik-bilik penginapan termasuk menggantikan perabut-perabut asrama yang melibatkan perbelanjaan lebih daripada RM1 juta. Selain kerja-kerja penggantian perabut dan menaiktarafkan bilik asrama, penggantian lif sedang dijalankan sekarang.

Encik Paring Said, memberitahu permohonan adalah dipelawa daripada belia-belia terutama yang datang luar daripada Wilayah Persekutuan yang bekerja di Kuala Lumpur untuk menyewa bilik-bilik asrama di Kompleks Belia Bandaraya, Km 6, Jalan Cheras, Kuala Lumpur

"Kadar sewa, agak berpatutan, malah lebih murah berbanding dengan rumah atau bilik sewa lain yang terdapat di Kuala Lumpur, mengandungi tiga jenis bilik iaitu bilik satu katil, bilik dua katil dan bilik empat katil. Sewa bilik biasa (empat katil), hanya RM52 sebulan seorang. Bilik eksekutif (dua katil) hanya RM135 sebulan seorang dan bilik eksekutif satu katil kurang lebih RM200 sebulan," ujar Encik Paring Said. Asrama itu boleh menampung seramai 476 penghuni.



Bilik tidur yang lebih selesa.

BERITA RUMAH KITA

Penasihat

Haji Salleh bin Yusup

Ketua Editor

Ramly bin Othman

Editor

Zainuddin bin Md. Zain

Sub Editor

Wan Abdullah bin Wan Abd. Ghani

Wartawan

Ab Wahab bin Omar

Jurufoto

Ab Wahab bin Omar

Dolmat Md. Som

Pembaca Peruf

Zurina bt Muda

Shamshidar bt Ibrahim

Pengedaran

Abirifdi Nuzaihan b. Ahmad Suhaimi

Tulisan yang tersiar dalam majalah

BERITA RUMAH KITA

tidak semestinya menggambarkan fikiran

Jabatan Pengurusan Perumahan

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur

Alamatkan surat menyurat kepada:

Editor

BERITA RUMAH KITA

Jabatan Pengurusan Perumahan

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur

No. 12, Jalan Tuanku Abdul Rahman,

Peti Surat 11022,

50100 Kuala Lumpur

atau hubungi

ENCIK WAN ABDULLAH WAN ABD. GHANI

Tel. No. 03-2938166 sambungan 282

Nombor Telefon DBKL

Ibu Pejabat DBKL	- 2916011
Aduan Awam DBKL	- 2934531
Hot Line (24 jam)	- 2911686
Perumahan	2912112
Bhg. Penguatkuasaan	- 2938166
Perumahan	smb. 125/126
Pej. Zon 1	- 9734513
Pej. Zon 2	- 2215505
Pej. Zon 3	- 4420340
Pej. Zon 4	- 6899563

Dicetak oleh:

Percetakan Nasional Malaysia Berhad,
Kuala Lumpur



PENDIDIKAN AGAMA

SIRI KESEBELAS

Oleh Encik Abdul Latif bin Hj. Idris
Pengerusi Lembaga Pentadbir dan Pengasas
SRA Al-Ridhwan, Sri P. Pinang.

ADIL

Pengertian Adil

Yang dikatakan adil ialah “meletakkan sesuatu pada tempatnya” Di samping itu keadilan itu bermakna sentiasa berada dalam kebaikan dan kebenaran dan menjauhi larangan Agama.

Menurut Imam Shafie adil itu ialah:

“Orang soleh yang tidak membuat dosa besar atau dosa kecil yang sangat keji, dan tidak merosakkan maruah.”

Menurut Ibnu Sama’ni pula, yang dikatakan adil itu hendaklah mencukupi empat syarat iaitu:

1. Memelihara perbuatan taat dan menjauhi perbuatan maksiat.

2. Tiada mengerjakan dosa kecil yang sangat keji
3. Tiada mengerjakan yang halal dengan merosakkan maruah (kesopanan)
4. Tiada mengiktihadkan sesuatu yang telah ditolak oleh syarak.

Manakala menurut Syaukani, yang terlebih baik daripada ta’rif (definisi) adil itu ialah:

“Berpegang kepada adab-adab syarak” Dari sudut masyarakat pula keadilan dapat diertikan sebagai berikut:

1. Tidak berat sebelah dalam memberi balasan. Setiap yang baik dibalas dengan baik, dan yang buruk dibalas dengan buruk, atau kalau mampu diberikan maaf.
2. Menyerahkan sesuatu tanggungjawab kepada orang yang ahlinya

Rasulullah bersabda yang bermaksud:

Apabila diserahkan sesuatu tugas kepada orang yang bukan ahlinya, maka tunggulah masa kehancurannya

Allah memerintahkan kepada semua umat Islam untuk menegakkan keadilan sesuai dengan firmanNya dalam Al-Quran ayat 58 Surah An-Nisa yang bermaksud sebagai berikut:

Sesungguhnya Allah menyuruh kamu menyampaikan amanah itu kepada yang berhak menerimanya, dan apabila kamu menghukum antara manusia hendaklah kamu tetapkan hukuman itu dengan adil.

Dari ayat di atas dapat kita ambil pengajaran bahawa Allah SWT mewajibkan kepada setiap orang untuk melaksanakan keadilan, samada terhadap diri sendiri mahupun kepada orang lain. Di samping itu kita ditugaskan oleh Allah untuk menyampaikan amanah kepada ahlinya, kerana perbuatan ini juga adalah termasuk keadilan.

Selanjutnya bagi yang berwenang untuk menjatuhkan hukum pula, dikehendaki oleh Allah supaya melaksanakannya dengan seadil-adilnya, sehingga tiada yang merasa dirugikan kerana tindakan itu

Faedah dianjurkan keadilan.

Keadilan dianjurkan atas faedah-faedah sebagai berikut:

- (a) Keadilan ialah lawan kezaliman, bila keadilan telah ditegakkan nescaya kezaliman tidak akan bermaharajalela.
- (b) Keadilan adalah punca keamanan. Setiap orang akan hidup dalam keadaan tenteram dan aman, kalau ia dipimpin oleh pemerintahan yang adil.
- (c) Orang yang sentiasa menegakkan keadilan, adalah orang yang takwa kepada Allah.
- (d) Di samping merupakan faedah bagi manusia, terutamanya sekali ia merupakan suatu keta’atan kepada Allah, kerana berbuat adil adalah kewajipan orang yang beriman.

RM23 juta belanja Penyelenggaraan

Kegiatan vandalisme di Perumahan Awam DBKL yang membabitkan terutama golongan penagih dadah kini semakin serius. DBKL terpaksa membelanjakan RM 6.734 juta untuk membaiki kelengkapan dan kemudahan Perumahan Awam DBKL yang dimusnahkan oleh mereka yang tidak bertanggungjawab.

Setakat ini DBKL melalui Jabatan Pengurusan Perumahan telah membelanjakan sebanyak RM22.674 juta bagi pengurusan dan membaiki keseluruhan harta awam yang rosak seperti lif, lampu koridor, paip bomba, hose reel, nozel, pintu bilik meter dan telefon. Mereka juga merosakkan penutup longkang, menconteng dinding, grating dan paip guna sama.

Jurutera Mekanikal di Bahagian Penyelenggaraan, Jabatan Pengurusan Perumahan, Encik Ahmad Firdaus bin Ahmad Fakhrruzai berkata musnah laku itu membabitkan lampu di koridor Perumahan Awam DBKL, paip bomba dan cermin tingkap.

Katanya, penagih juga bertindak lebih ganas dengan merosakkan pintu dewan orang ramai, tandas, tanaman pokok bunga dan merobohkan pagar serta sistem pendawaian elektrik dan telefon di setiap kaki lima Perumahan Awam DBKL.

Menurut beliau, antara kawasan perumahan yang kerap terlibat termasuk Perumahan Awam di Loke Yew, Razak Mansion, Sri Sarawak, Sri Selangor, Sri Terangan, Sri Kelantan, dan TAR III. Di kawasan tersebut DBKL pernah kehilangan 15 unit tong sampah dan 25 unit fire extinguisher.

Di samping itu terdapat juga kerosakkan harta awam di Perumahan Awam Sri Kedah, Setapak Jaya, dan Sri Tioman I. DBKL juga menerima laporan tentang kehilangan penangkap kilat di Perumahan Awam Sri Sabah 3A dan 3B iaitu di Blok 58 dan Blok 60. dan terdapat juga ELCB dicuri oleh mereka yang tidak bertanggungjawab di PPR Desa Tun Razak, Cheras

Menurut beliau, kebanyakan kegiatan musnah laku berlaku kepada benda yang sama dan ianya berulang apabila diperbaiki, mungkin berpunca

daripada rasa tidak puas hati dan perbuatan sebotan. Katanya, banyak panggilan ti. kerap dirosakkan oleh penagih yang tidak bertanggungjawab menyebabkan ia tidak dapat berfungsi seperti biasa dan menyusahkan orang lain. Ada juga terdapat pintu lif yang dikopakkan menyebabkan pintu lif susah dibuka dan keadaan ini bertambah buruk apabila berlaku kecemasan ketika penghuni sibuk pergi dan balik kerja.


Namun kawasan perumahan yang mempunyai Rukun Tetangga atau Rela seperti di Perumahan Awam Sri Perak, Sentul, Perumahan Awam Sri Kota, Cheras, telah berjaya memantau kegiatan vandalisma (musnah laku) disamping kegiatan jenayah di Perumahan Awam DBKL. Katanya, kegiatan musnah laku itu juga mungkin dilakukan oleh golongan remaja atau orang ramai yang bermasalah semata-mata untuk melepaskan perasaan tidak puas hati kepada pihak terbabit seperti DBKL. Kegawatan ekonomi atau masalah sosial yang berubah secara mendadak mungkin mendorong mereka bertindak sedemikian.

Sehubungan dengan itu DBKL dengan kerjasama badan bukan kerajaan (NGOs) seperti persatuan penduduk, Pasukan Rela dan JPN pernah menganjurkan program antivandalisma di Perumahan Awam DBKL yang turut mengadakan sesi ceramah, kaunseling dan pameran.

Program itu yang pernah dilancarkan beberapa tahun lalu memfokuskan kepada vandalisma sifar di setiap perumahan awam, disamping menanamkan sifat cintakan kepada harta benda awam. Program itu berhasrat menanamkan sifat positif di kalangan pelajar atau golongan remaja supaya menyayangi harta benda awam.



Ahmad Firdaus Fakhrruzai



Harta awam musnah akibat vandalisme

ATASI MASALAH Perumahan

Wan Abdullah Ghani

DBKL prihatin dengan masalah perumahan yang semakin meruncing di kalangan berpendapatan rendah dan sederhana. DBKL lebih menumpukan pembinaan rumah kos rendah untuk disewa sahaja kepada orang awam dengan harapan dapat mengembangkan stok perumahan awam kos rendah untuk mereka yang benar-benar memerlukan.

DBKL sentiasa memberi penekanan kepada penyediaan perumahan yang secukupnya kepada rakyat dalam matlamat menempatkan semula setinggan dan penyediaan kediaman untuk golongan berpendapatan rendah. Dalam proses urbanisasi dan pembangunan yang pesat, golongan berpendapatan rendah tidak diabaikan.

Datuk Bandar Kuala Lumpur, Tan Sri Dato' Kamaruzzaman Shariff menjelaskan pelaksanaan program perumahan sama ada yang dilaksanakan oleh DBKL atau swasta yang dirancang dan diselenggarakan mengikut keperluan warga kota, khususnya bagi golongan miskin akan terus menjadi agenda utama DBKL.



Tan Sri Dato' Kamaruzzaman Shariff

"DBKL merupakan pemilik perumahan awam yang terbesar di Malaysia. Menurutny, di bawah Program Perumahan Rakyat (PPR) itu, DBKL diberi peruntukan sebanyak RM218.78, iaitu 36.5% daripada keseluruhan dana berjumlah RM600 juta bagi membina 5,273 unit rumah untuk disewakan. PPR Jelatek merupakan projek yang pertama dilaksanakan dan didiami dan diikuti 420 unit PPR Gombak Setia.

Beliau berkata, PPR Jelatek yang pertama sekali dilancar dan disiapkan berjumlah 441 unit rumah. Ke arah mewujudkan masyarakat penyayang dan berilmu, pelbagai kemudahan awam bagi kegunaan setempat seperti surau, bilik bacaan, tadika, dewan serbaguna, pejabat pengurusan dan padang permainan kanak-kanak disediakan.

Menurut Datuk Bandar, beberapa peraturan pemilihan penghuni yang ketat telah diperkenalkan demi menjamin pelaksanaan yang berkesan. Antara syarat-syarat yang ditetapkan, termasuk pendapatan isi rumah yang tidak melebihi RM1,200 sebulan, tempoh penyewaan selama lima tahun sahaja, mempunyai tanggungan yang ramai dan berkemampuan membayar sewa.

Datuk Bandar berkata dalam mengatasi masalah kekurangan perumahan awam, kerajaan bersatu DBKL menumpukan pembinaan rumah kos rendah untuk disewa sahaja kepada orang awam. Dengan adanya kaedah itu diharapkan DBKL akan dapat mengembangkan stok perumahan awam kos rendah untuk disewa kepada golongan yang benar-benar memerlukan.

"Menjelang tahun 2005, DBKL akan membina sebanyak 65,000 unit rumah kos rendah untuk menampung permintaan 70 peratus warga kota yang berpendapatan rendah dan sederhana rendah. Berdasarkan perangkaan terkini terdapat 120,000 permohonan untuk menyewa rumah awam DBKL dan 150,000 permohonan untuk membeli," katanya.

"Projek Perumahan Awam di Kuala Lumpur dijangka dapat menampung keperluan rakyat termiskin dan penempatan setinggan yang berdekatan untuk dipindahkan ke rumah kos rendah yang dibina. Manakala tapak setinggan yang



PPR Jelatek yang pertama dibina di bawah Program Perumahan Rakyat

dikosongkan itu dapat dibangunkan semula untuk projek pembangunan yang lain.

"Langkah itu diambil untuk menentukan semua golongan rakyat terutama yang miskin mendapat pembelaan yang adil. Dalam proses pembangunan dan urbanisasi yang pesat, rakyat miskin tidak seharusnya diketepikan begitu sahaja," ujar Tan Sri Dato' Kamaruzzaman Shariff.

Menurutnya, DBKL mengemukakan projek perumahan awam untuk rakyat termiskin itu bersesuaian dengan konsep atau kehendak Tabung Perumahan Awam Kos Rendah. Dengan kesungguhan DBKL itu, dijangkakan semua program perumahan yang dirancang dapat dilaksanakan secara berkesan dan lancar.

"Keprihatian DBKL dalam menangani masalah perumahan yang kian meruncing di kalangan golongan yang berpendapatan rendah di Kuala Lumpur, diharapkan dapat mengurangkan masalah perumahan untuk golongan yang kurang bernasib baik. Hasrat itu memberi dorongan kuat kepada DBKL untuk bergerak dengan lebih gigih lagi.

"Pembangunan yang terlalu pesat menimbulkan cabaran baru dalam mengimbangi keperluan tempat tinggal dan pembangunan bandar yang lain. Kuala Lumpur sentiasa berhadapan dengan masalah penawaran perumahan berbanding dengan keperluan wargakota yang pelbagai taraf kehidupan," kata Datuk Bandar.

Beliau memberitahu, kerajaan tidak akan bertolak ansur dalam usaha memilih mereka yang layak menduduki PPR supaya tidak ada mereka yang mengambil kesempatan dan mereka yang layak dinafikan haknya.

"Jika kelonggaran syarat diberi, sampai bilapun masalah perumahan untuk golongan berpendapatan rendah tidak akan selesai. Kejujuran orang ramai diharapkan supaya mereka yang berpendapatan RM3,000 sebulan tidak membuat pengakuan berpendapatan RM1,200 semata-mata untuk layak menduduki PPR. Semua pihak perlu jujur dan bertanggungjawab demi kepentingan ramai, bukan hanya menjaga kepentingan diri sendiri sahaja," katanya.

"Kerajaan hanya membantu mereka yang benar-benar susah terutama penghuni setinggan. Walau bagaimanapun terdapat mereka yang tinggal menetap di kawasan setinggan, tetapi kehidupan mereka lebih baik daripada orang lain. Golongan itu tidak patut kita bantu kerana menyekat peluang orang lain yang benar-benar mengharapkan bantuan kita," ujar Tan Sri Dato' Kamaruzzaman Shariff.



Perumahan Awam DBKL yang menjadi idaman mereka yang berpendapatan rendah.